MAKLUMAN UNTUK DIHEBAHKAN DALAM LAMAN WEB JPK

MAKLUMAN BERKAITAN PINDAAN PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PENGAJAR LATIHAN VOKASIONAL (I-031-3/4/5)/ OPERASI LATIHAN VOKASIONAL (I-031-3:2014) PADA 01 APRIL 2018

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah meminda beberapa bahagian didalam Panduan Pelaksanaan dan Manual Internship bagi **Program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5)/ Operasi Latihan Vokasional (I-031-3:2014) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)**.

Bahagian yang dipinda adalah seperti berikut:

Asal

Perkara 8.6 (iV) (a) di dalam **PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA 2015** – Panduan Pelaksanaan Program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5) :

Pelatih yang menjalani latihan *internship* dikehendaki menjalankan tugasan seperti yang berikut :

a. Program VTO, pelatih dikehendaki mengumpul sekurang-kurangnya **300 jam mengajar** dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan bilangan minimum seperti Jadual 4 berikut:-

Jadual 4: Bilangan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Program VTO

BAHAN PEMBELAJARAN	TEORI	AMALI
Pelan Mengajar	15	15
Kertas Penerangan	15	
Kertas Tugasan	15	
Kerjas Kerja		15
Alat Bantuan Mengajar (ABM)	5 sessi pembelajaran	
Kertas Penilaian Pengetahuan	5 sessi pembelajaran	
Kertas Penilaian Prestasi		5 sessi pembelajaran

Dipinda kepada:

Pelatih yang menjalani latihan *internship* dikehendaki menjalankan tugasan seperti yang berikut :

a. Program VTO, pelatih dikehendaki mengumpul sekurang-kurangnya **300 jam mengajar** dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan bilangan minimum seperti Jadual 4 berikut:-

Jadual 4: Bilangan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Program VTO

BAHAN PEMBELAJARAN	TEORI	AMALI
Pelan Mengajar	6	6
Kertas Penerangan	6	
Kertas Tugasan	6	
Kerjas Kerja		6
Alat Bantuan Mengajar (ABM)	5 sessi pembelajaran	
Kertas Penilaian Pengetahuan	5 sessi pembelajaran	
Kertas Penilaian Prestasi		5 sessi pembelajaran

Perkara 1.1 (V) didalam Manual Internship program Pegawai Latihan Vokasional adalah seperti berikut:

Asal

V. **Pusat Bertauliah Internship (PB Internship)**

i. Berdaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sepanjang Latihan Internship dijalankan.
ii. Pusat Bertauliah atau Penyedia Latihan SLDN yang bersetuju menjalankan program internship mengikut syarat yang ditetapkan.
iii. PB atau Penyedia Latihan SLDN (In-House) mempunyai pelatih atau perantis yang sedang menjalani latihan sepenuh masa.
iv. Bagi Penyedia Latihan SLDN, hendaklah mempunyai Pengajar SLDN yang memiliki persijilan mengajar iaitu VTO (I-031-3) ATAU yang setara dengannya merujuk kepada Panduan Pelaksanaan VTO;
v. Mempunyai personel yang berkelayakan sebagai Penyelia internship seperti kriteria yang ditetapkan.

Dipinda kepada:

V. **Pusat Bertauliah Internship (PB Internship)**

i. Berdaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sepanjang Latihan Internship dijalankan; atau
ii. Penyedia Latihan Kemahiran yang bersetuju menjalankan program internship mengikut syarat yang ditetapkan dan mempunyai personel yang memiliki sijil SKM VTO; atau
iii. PB atau Penyedia Latihan SLDN (In-House) mempunyai pelatih atau perantis yang sedang menjalani latihan sepenuh masa dan mempunyai personel yang memiliki sijil SKM VTO.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia